



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN NAIKTARAF PENGINDAHAN
MERCU TANDA MASUK KE NEGERI PULAU PINANG
DI PERMATANG KELING, NIBONG TEBAL, SEBERANG
PERAI SELATAN

TARIKH / MASA / TEMPAT
16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)
10.30 PAGI

**PERSIMPANGAN JALAN PERMATANG KELING
NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini di **Majlis Perasmian Naiktaraf Pengindahan Mercu Tanda Masuk Ke Negeri Pulau Pinang** di Persimpangan Jalan Permatang Keling, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.
2. Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Penggerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir dan seterusnya merasmikan **Naiktaraf Pengindahan Mercu Tanda Masuk Ke Negeri Pulau Pinang** di Persimpangan Jalan Permatang Keling, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.
3. Saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis MBSP, Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya MBSP, Ketua-Ketua Jabatan dan

Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Pegawai-Pegawai daripada Pejabat dan Tanah Daerah Seberang Perai Selatan Pejabat dan JKR Daerah Seberang Perai Selatan, Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, wakil media serta semua warga kerja MBSP, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

4. Mercu tanda adalah merupakan sesuatu objek, struktur atau '*landmark*' yang mudah dicari dan diletakan atau ditempatkan di sesuatu lokasi sebagai panduan penentuan sempadan kampung, bandar, daerah dan negeri yang boleh dilihat dari jarak jauh dan direkabentuk dengan ciri-ciri tempatan yang menarik dan ceria di samping memperbaiki kualiti ruang bandar yang mempunyai simbolik dan beridentitikan Pulau Pinang. Matlamat penyediaan mercu tanda ini adalah untuk:-
 - i. melambangkan sempadan negeri Pulau Pinang bagi setiap daerah;
 - ii. memastikan pengindahan kawasan dan mencantikkan kawasan tersebut; dan
 - iii. mengindahkan semula mercu tanda sediada yang telah rosak / usang.

5. Mercu tanda yang disediakan di sini, beridentitikan replika Jambatan Pulau Pinang dan dilengkapi dengan slogan MBSP iaitu '**Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar**'. Tapak pembinaan mercu tanda ini adalah di persimpangan Jalan Permatang Keling, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Mercu tanda ini berukuran 7m panjang x 0.7m lebar x 2.6m tinggi dan mula dibina pada 5 September 2023 dan siap sepenuhnya pada 16 Oktober 2023 (6 minggu) dengan kos keseluruhan sebanyak RM50,000.00.
6. Dengan mengambil kira keperluan penyediaan mercu tanda di sempadan negeri Pulau Pinang dan sebagai tanda "Selamat Datang" kepada pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar Seberang Perai, MBSP mengambil tindakan proaktif menyediakan rekabentuk mercu tanda yang melambangkan sempadan Negeri Pulau Pinang yang menarik serta bagi memenuhi sebahagian daripada program membangunkan pengindahan di kawasan yang strategik di Seberang Perai.
7. Saya menyarankan agar lebih banyak perletakan mercu tanda seperti pintu gerbang, arca, papan tanda atau struktur replika didirikan di

sempadan daerah, bandar dan kampong sebagai petunjuk dan pengenalan kepada identiti sesuatu kawasan. Penggunaan sesuatu komponen yang ikonik sebagai mercu tanda dapat membentuk identiti dan imej sesuatu daerah, bandar dan kampong. Mercu tanda yang jelas, dibanggakan dan dihormati yang memiliki ciri-ciri am mercu tanda seperti nilai sejarah, unik, sentiasa diingati, teristimewa, mudah difahami, bermakna dan berskala. Pengiktirafan sebagai mercu tanda ini juga akan mewujudkan rasa kesatuan setempat (*sense of place*) di kalangan masyarakat dan juga menjadi tarikan pengunjung untuk datang bergambar dan mengamati struktur mercu tanda tersebut.

8. Penyediaan mercu tanda juga turut dilaksanakan di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah iaitu:-
 - i. Jalan Lunas (Sempadan Ara Kuda / Lunas) dan Jalan Tasek Gelugor (Sempadan Padang Serai) di Seberang Perai Utara :
 - ii. Jalan Keladi (Sempadan Sungai Lembu / Kulim) dan Jalan Kulim (Hadapan Giat Mara) di Seberang Perai Tengah :
9. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, serta semua yang hadir

pada hari ini ke **Majlis Perasmian Naiktara Pengindahan Mercu Tanda Masuk Ke Negeri Pulau Pinang** di Persimpangan Jalan Permatang Keling, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.